

Kritikan Muslim Liberal terhadap Ulum al-Qur'an: Suatu Kecenderungan Baru dalam Tafsiran al-Qur'an

The Criticism of Liberal Muslims Against Ulum al-Qur'an: A New Tendency in the Interpretation of al-Qur'an

TENGGU INTAN ZARINA TENGGU PUJI
MUHD. NAJIB ABDUL KADIR

ABSTRAK

Ulum al-Qur'an merupakan gagasan ilmu terawal di kalangan umat Islam. Ia mengandungi pelbagai inti sari ilmu-ilmu penting yang berperanan membantu pemahaman ayat-ayat di dalam al-Qur'an. Antara ilmu-ilmu tersebut ialah Nasikh Mansukh, Asbab Nuzul, Nuzul al-Qur'an, ayat Makki dan Madani serta lain-lain. Walau bagaimanapun kini terdapat kecenderungan di kalangan Muslim Liberal menggunakan Hermeneutik dalam menafsirkan al-Qur'an dan melakukan kritikan terhadap Ulum al-Qur'an. Hermeneutik adalah science of interpreting the Bible yang mengandungi peraturan dan undang-undang bagi menyempurnakan penafsiran. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis kritikan tersebut yang mempromosikan al-Qur'an sekadar 'produk budaya'. Kajian ini berbentuk analisa kandungan terhadap karya-karya Muslim Liberal yang menyentuh isu tafsir dan Ulum al-Qur'an. Hasil kajian, penulis mendapati kritikan tersebut memberi impak negatif yang mampu melemahkan kredibiliti ilmu tafsir sekali gus merendahkan khazanah ilmu Islam.

Kata kunci: Budaya; kecenderungan; kritikan; produk; tafsir

ABSTRACT

Ulum al-Qur'an is one of the earliest knowledge known among Muslims. It comprises of various essences of important sciences which help to improve the comprehension of verses in al-Qur'an. Among those sciences are pertaining to Nasikh Mansukh, Asbab Nuzul, Nuzul al-Qur'an, Makki and Madani verses and others. However recently, there is a tendency among the Liberal Muslims to use Hermeneutic for Quranic Interpretation and criticizing Ulum al-Qur'an. Hermeneutic is a science of interpreting the Bible which contains rules and law to complement interpretation. Therefore, it is the aim of this paper to discuss those criticisms which promote al-Qur'an as a mere product of culture but not as the pure words of God. This study applies the contents analysis on several of the Muslim Liberal works related to the Quranic Interpretation and Ulum al-Qur'an. The findings of this study show that those works have negative impact that can undermine the credibility of the knowledge of Quranic exegesis as well as to lower down the Islamic knowledges as a whole.

Keywords: Culture; tendency; criticism; product; exegesis

PENGENALAN

Hari ini dunia Islam bukan sahaja menghadapi krisis ketidakpercayaan sesama mereka, malah juga krisis keyakinan terhadap agama Islam itu sendiri. Terdapat sebahagian daripada umat Islam mula berani mempertikaikan kewajaran pelaksanaan Undang-Undang Syariah di zaman Moden, keabsahan al-Qur'an dan al-Hadith, kemaksuman Rasulullah SAW, kemuliaan para sahabat dan ulama dan sebagainya. Golongan ini dikenali sebagai Muslim Liberal, mula berpengaruh di negara-negara Islam dan tak kurang juga yang 'berhijrah' di negara-negara Barat, cuba melakukan tindakan populis dengan mengkritik Islam.

Islam Liberal sebenarnya adalah istilah yang dicipta oleh Barat sebagai suatu modus operandi untuk mengelirukan umat Islam. Perkataan 'liberal' berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud bebas atau merdeka. Menjadi kebiasaan Barat mencipta pelbagai istilah dan terminologi untuk memerangkap Dunia Islam seperti *Islam Tradisional*, *Islam Moderate-Fundamentalis*, *Islam legalistik/formalistik-substantif, normatif*, *Islam Inklusif-Eksklusif* dan lain-lain. Malah situasi yang sama dapat dilihat pada penggunaan istilah-istilah Barat dalam bidang pengajian Islam. Perkara ini disentuh oleh Profesor Dr. Mustafa al-Azami (2005) dalam bukunya *The History The Quranic Text: From Revelation to Compilation* bahawa, antara beberapa

pintu gerbang yang digunakan sebagai alat untuk menyerang al-Qur'an ialah mempertikaikan tentang penulisan dan pengumpulannya serta perubahan besar-besaran Pengajian Islam menggunakan istilah barat.

Melalui laman web Jaringan Islam Liberal Indonesia, Islam Liberal digambarkan sebagai Islam yang menekankan kebebasan peribadi dan pembebasan dari struktur sosial-politik yang menindas. Liberal di sini membawa dua maksud iaitu kebebasan dan pembebasan (<http://islamlib.com/id>). Ada yang berpendapat ianya sebagai fahaman yang menerima keunggulan fahaman sekular-liberal Barat serta percubaan untuk mentafsir semula idea kebebasan dalam Islam agar selari dengan tuntutan pemikiran tersebut (Marzuki 2008). Namun pandangan lain menyebut ia bermaksud aliran yang cuba membebaskan Islam dari sebarang ikatan syarak sama ada dengan cara mentafsir, mengolah atau menafikan apa sahaja dalil syarak agar bersesuaian dengan pemikiran yang berteraskan falsafah Barat (Asri 2006).

PENGARUH BARAT TERHADAP KEMUNCULAN ISLAM LIBERAL

Kelahiran Muslim Liberal ada kaitannya dengan kelahiran Liberalisme di Barat. Liberalisme merupakan kesinambungan daripada modenisme. Ia merupakan masalah sejagat yang dihadapi oleh agama-agama seperti Yahudi dan Kristian. Dr. Ahmad Zaki (2008) melakarkan makna liberalisme sebagai keyakinan dan iktikad penganut pelbagai agama bahawa kemajuan ilmu pengetahuan dan kebudayaan semasa memerlukan semakan dan penglihatan semula prinsip, pemikiran dan kesimpulan agama yang difahami dan diaplikasikan kepada perspektif baru berasaskan falsafah dan pencapaian semasa. Sehubungan dengan itu perlu kepada pentakwilan dan membuat kesimpulan baru terhadap ajaran agama selari dengan tamadun moden, global dan liberal.

Kemunculan Liberalisme di Barat merupakan reaksi dan penentangan terhadap autoriti gereja yang melakukan penindasan atas nama Tuhan. Pertembungan pemikiran berlaku di antara para Intelek Eropah dengan Institusi Gereja Eropah pada zaman Renaissance dan berlakulah apa yang dikatakan sebagai *the conflict between science and religion*. Krisis inilah seterusnya menyebabkan pemisahan kehidupan beragama daripada semua aspek kehidupan orang-orang barat di mana agama dianggap sebagai budaya sahaja. Melihat bagaimana ideologi ini boleh

mempengaruhi umat Islam sehingga wujudnya istilah Islam Liberal, ada yang mengaitkannya dengan faktor kemunduran tahap pemikiran umat Islam. Situasi ini dikatakan berlaku di zaman kejatuhan Dinasti Uthmaniyyah dan pada masa yang sama kemajuan Eropah telah menyebabkan sebahagian Dunia Islam melakukan transformasi ilmu pengetahuan dari Barat. Walaupun pada peringkat awal ianya hanya berlaku pada aspek teknologi tetapi akhirnya menjurus pandangan politik, unsur kemanusiaan, produk pemikiran Barat dan sebagainya. Perkembangan kemajuan dan perubahan norma-norma tertentu di Barat telah mempengaruhi Dunia Islam.

Seterusnya berkembangnya liberalisme di kalangan umat Islam akibat penjajahan yang berlaku. Semenjak kurun ke 16 hinggalah awal kurun ke 20, umat Islam dijajah dengan pelbagai kuasa Eropah, mereka diperkenalkan dengan sistem pemerintahan, pentadbiran dan pendidikan sekular barat. Begitu juga faktor kelemahan dalaman masyarakat Islam telah membuka ruang tersebarunya usaha pemodenan dan meliberalkan pemikiran umat Islam. Hakikatnya perkembangan sekularisme, modenisme dan liberalisme yang berkembang di Barat telah menaja perkembangan yang berlaku dalam masyarakat Islam di tanah jajahan. Menurut Dr. Ahmad Zaki (2008) modenisme dan liberalisme adalah dimensi dan penjelmaan baru pengaruh pemikiran asing ke atas pemikiran Islam.

Menurut Marzuki (2008), di Malaysia penyebaran Faham Islam Liberal disebabkan beberapa faktor iaitu pertama peningkatan tahap pendidikan moden telah membuka minda golongan terpelajar terhadap idea-idea baru terutamanya dari Barat. Faham Feminisme dan pasca moden banyak mempengaruhi golongan Muslim Liberal dan sukar bagi mereka untuk membezakan autoriti dalam agama Islam, malah menganggapnya sebagai autoritarian yang menindas. Kedua, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi membuka lebih banyak ruang kepada penyebaran dan pertarungan idea dalam masyarakat. Fenomena ralat ilmu mudah berlaku dan masyarakat lebih menerima sesuatu berdasarkan retorik dan emosi semata-mata. Ketiga, idea liberal ini mendapat sokongan terutama dari masyarakat bukan Islam.

MUSLIM LIBERAL DAN HERMENEUTIK

Golongan Muslim Liberal cuba untuk menafsirkan al-Qur'an dengan menggunakan pendekatan hermeneutik. Hermeneutik adalah *science of interpreting the Bible* (ilmu tafsiran mengenai

Bible) yang mengandungi peraturan dan undang-undang bagi menyempurnakan penafsiran tersebut. Hermeneutik sebenarnya berasal dari istilah Greek iaitu dari katakerja 'Hermeneuein' (to speak/interpret) dan nama 'Hermeneia' (speech/interpretation). Istilah ini mula digunakan oleh ahli Teologi Yahudi dan Kristian serta dikembangkan oleh Protestan Liberal apabila bermasalah dalam memahami Bible. (Anzaruddin Ahmad, 2005) Ianya bertitik-bengit dari kekeliruan tentang keaslian Bible kerana terdapat banyak dokumen yang berbeza mengenainya. Apatah lagi kini Bible ditulis dan dibaca bukan dalam bahasa asalnya. Seterusnya istilah hermeneutik itu dipindahkan dari ruang lingkup teologi kepada Falasafah dan melahirkan aliran pemikiran yang berbeza (<http://staff.iiu.edu.my/ugi/researches.htm>). Kesimpulannya, hermeneutik ini digunakan untuk mencari nilai kebenaran Bible dan makna yang dikehendaki pengarangnya.

Pendekatan sebeginilah yang dilakukan oleh Muslim Liberal terhadap al-Qur'an. Mereka melakukan kritikan terhadap al-Qur'an sebagaimana yang dilakukan oleh ahli teologi Kristian terhadap Bible. Menurut Abdul Kabir Hussain Solihu dalam tesisnya bertajuk *Historicist Approach to the Qur'an: Impact of Nineteenth Century Western Hermeneutics in the Writings of two Muslim Scholars* mengatakan, hermeneutik terhadap Muslim moden merupakan perkembangan interaksi terkini masyarakat Muslim dengan Barat. Kesannya beberapa elemen dalam Hermeneutik Bible mula meresap dalam *approach* mereka terhadap al-Qur'an. Akhirnya, masalah yang berasal dari Barat juga menjadi masalah bagi Muslim serta teknik yang digunakan untuk menyelesaikannya di Barat telah diterima pakai secara universal.

Menurut Chumaidi Syarif Romas (2000), fungsi Hermeneutik al-Qur'an secara ilmiah ialah memberikan kesedaran bahawa agama bukan sekadar kekuatan legitimasi dan justifikasi tetapi juga kekuatan transformasi dan kritik dalam membangunkan masyarakat. Sehubungan itu hermeneutik al-Qur'an diharap menjadi sebuah ideologi ilmu pengetahuan yang mampu menjawab masalah keilmuan Islam menghadapi tentangan zaman dan kemanusiaan yang serba pluralistik sama ada agama, suku dan kebudayaan global. Nasr Hamid Abu Zayd (2004) seorang sarjana Islam dalam satu kertas kerja beliau bertajuk *Human Rights and Renewing of Religious Discourse: How Can the Arab World benefit from the Experiences of the non-Arab Islamic World?* menyatakan:

al-Qur'an adalah *living phenomenon* yang terhasil dari dialog, perdebatan, dakwaan, penerimaan dan penolakan. Sehubungan dengan itu, dimensi

kemanusiaan dan komunikasi ini merupakan struktur al-Qur'an yang semestinya diterjemahkan semula melalui pendekatan hermeneutik.

Banyak istilah-istilah Barat yang cuba diIslamkan oleh Muslim Liberal. Antaranya mereka menerima maksud *tafaqquh fi din* sebagai proses berteologi ataupun merefleksikan fikiran atau renungan yang sistematik dan metode tentang realiti iman. Lahirlah istilah seperti iman induktif yang merujuk renungan yang bermula dari pengalaman keagamaan dan iman deduktif yang bermula dengan andaian yang datang dari wahyu Ilahi. Dalam perspektif perkembangan masyarakat moden dan pascamoden, Islam menurut mereka perlu menjadi teologi yang fungsional iaitu mampu memecahkan masalah kemanusiaan seperti kemiskinan, ketidakadilan, hak-hak asasi manusia dan sebagainya.

Dalam memahami Islam ada dua pendekatan yang diambil oleh Muslim Liberal iaitu pendekatan konteks historis-analisis (kontekstual) dan pendekatan harfiah (tekstual). Golongan Muslim Liberal lebih cenderung untuk menerima pendekatan pertama dalam memahami al-Qur'an. Kesannya, mereka cuba menjustifikasi kefahaman berdasarkan rasional dan Materialisme sekali gus mengkritik gagasan Ulum al-Qur'an yang sedia ada. Kalau sebelum ini golongan Modenis hanya mengkritik kisah-kisah dalam al-Qur'an, mukjizat dan bahasa. Dr. Taha Husin contohnya, dalam penulisan beliau menolak kebenaran peristiwa Nabi Ibrahim dalam membina Kaabah serta mengkritik gaya bahasa Makki dan Madani. Manakala Farid Wajdi mendakwa mukjizat para Nabi di dalam al-Qur'an adalah termasuk dalam perkara mutasyabihat (Fadl Hassan Abbas 2005). Dr. Muhammad Ahmad Khalafullah dalam tesisnya, *al-Fann al-Qisas fi al-Qur'an*, pula mendakwa kisah-kisah al-Qur'an sebagai satu bentuk kesenian yang tidak menepati sejarah (Manna' Qattan 1995). Bahkan ia sekadar cerita khayalan yang diketahui manusia ketika penurunan al-Qur'an atau yang diceritakan oleh orang-orang terawal.

Begitu juga pelajar-pelajar Madrasah al-Imam Sheikh Muhammad Abduh yang terpengaruh dengan pendidikan Universiti Eropah seperti Mansur Fahmi dan 'Ali Abdul Raziq. Mansur yang mendapat Doktor Falsafah dari Universiti di Perancis dalam tesisnya, *al-Mar'atu al-Muslimah* dikatakan telah mentohmah Rasulullah SAW sebagaimana dilakukan pengarang-pengarang Barat. Manakala Ali Abdul Raziq pula dalam bukunya *al-Islam wa Usul al-Hukm*, mengengahkan idea pengasingan agama dari pentadbiran negara serta mendakwa kejatuhan Umat Islam disebabkan oleh 'regim khalifahnya'.

Buku kontroversi tersebut telah mengheret beliau ke Lembaga Disiplin bagi Sarjana al-Azhar dan akhirnya keahlian beliau ditarik semula.

KRITIKAN MUSLIM LIBERAL TERHADAP ULUM AL-QUR'AN

Kini Muslim Liberal menjadikan kritikan itu semakin meluas dan kompleks menyentuh Ulum al-Qur'an yang lain seperti Nasikh Mansukh, Asbab Nuzul, Nuzul Qur'an, ayat Makki dan Madani serta lain-lain. Seorang tokoh Islam Liberal yang kontroversi menolak berlakunya *Naskh* iaitu Abdullahi Ahmed an-Na'im (2006). Beliau menganggap teori *Naskh* yang dibangunkan dan diguna pakai oleh para Ulama tidak merujuk kepada Rasulullah. Alasannya tidak ditemui sebarang maklumat daripada Rasulullah tentang kewujudan ayat-ayat yang dimansuhkan dari al-Qur'an dalam pengertian Mansukh hukum tetapi teksnya kekal. Al-Jabri (1961) juga memberi pendapat yang sama dan mendakwa tiada riwayat yang *Mutawattir* mengenai *Naskh* daripada Rasulullah. Malah menurutnya lagi, perselisihan mengenai perbahasan *Naskh* amat ketara di kalangan Ulama.

Muslim Liberal mendakwa ilmu mengenai Asbab Nuzul tidaklah penting. Mereka mendakwa terdapat beberapa alasan yang membuktikan al-Qur'an itu merupakan hasil kebudayaan atau produk realiti. Antaranya, pertama, terdapat banyak *Asbab Nuzul* yang berkaitan dengan peristiwa yang berlaku. Ini menunjukkan al-Qur'an memberikan respons yang begitu baik terhadap realiti. Kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai *Asbab Nuzul* seperti ayat li'an berkaitan dengan kisah Hilal bin Umaiyah, ayat zihar berkaitan dengan kisah Khaulah binti Tha'labah dan sebagainya. Malah penerimaan terhadap Nasikh Mansukh, Makki dan Madani juga menunjukkan kaitan al-Qur'an dengan realiti.

Dakwaan ini sebenarnya tidak tepat kerana al-Qur'an tidak diturunkan menurut peristiwa dan realiti atau sebagai respon terhadap pertanyaan. Bahkan bukan semua ayat al-Qur'an mempunyai *Asbab Nuzul*. Menurut Manna al-Qattan (1995) al-Qur'an itu dinuzulkan secara *ibtida'* mengenai iman, kewajipan serta syariat Allah bagi kehidupan individu dan masyarakat. Selain daripada itu ayat-ayat al-Qur'an diturunkan sebagai jawapan kepada peristiwa dan pertanyaan. Oleh sebab itu, dengan memahami *Asbab Nuzul* merupakan wasilah yang terbaik dalam memahami makna ayat.

Selain daripada itu Nasr Hamid Abu Zayd (1993) turut mengkritik Ulama Klasik yang membicarakan

mengenai Ayat Makki dan Madani, kononnya berlegar pada konsep yang kacau bilau khususnya yang berkait dengan batas-batas pemisah antara ayat Makki dan Madani, isi kandungannya dan struktur ayat. Menurutnya, amat sukar untuk membezakan Ayat Makki dan Madani secara muktamad kerana berlakunya percampuran antara kedua-duanya dalam Mushaf yang tidak disusun mengikut turutan penurunan ayat. Nasr Hamid Abu Zayd (2007) juga contohnya cuba mengaitkan al-Qur'an sebagai teks kebudayaan:

The Qur'an was the outcome of a dialog, debate, despite, argument, acceptance and rejection.

Alasannya, banyak Asbab Nuzul ayat-ayat al-Qur'an berkait rapat dengan peristiwa, begitu juga Nasikh dan Mansukh serta ayat-ayat Makki dan Madani. Malah bahasa Arab yang digunakan juga terbentuk dalam dunia realiti dan kebudayaan. Dalam bukunya bertajuk *Pluralisme, Liberalisma and Islam*, Farid Essack (1997) ada menyatakan:

The Qur'an more regularly refers to itself as a revealed discourse unfolding in response to the requirements of society over a period of twenty-three years.

Nasr Hamid Abu Zayd mendakwa al-Qur'an adalah teks bahasa dan diubah menjadi Mushaf. Sehubungan dengan itu cara yang paling tepat untuk memahaminya adalah dengan bahasa. Mereka juga mendakwa al-Qur'an menggunakan bahasa Arab yang menjadi penggunaan masyarakat jahiliyyah dan bahasa itu juga produk kebudayaan.

Sebenarnya dakwaan ini boleh ditolak dari sudut ilmiah dengan begitu mudah sekali. Bagaimana mungkin untuk sesuatu umat itu menerima risalah nabinya kalau tidak dalam bahasa yang sama digunakan oleh mereka. Begitu juga tidak mungkin seseorang Rasul menerima wahyu dari Allah kalau tidak dalam bahasa yang digunakannya. Oleh kerana itu bahasa Arab merupakan medium perantara yang digunakan dalam wahyu agar sesuai dengan kefahaman rasul dan umat Arab ketika itu. Firman Allah dalam surah al-Syucara' ayat 192-195:

وَإِنَّهُ لَنَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾
عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾ بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ﴿١٩٥﴾

Bahkan kalau dilihat pada sejarahnya, al-Qur'an diturunkan dengan Sab'ah Ahruf untuk kemudahan umat terdahulu. Meskipun bahasa Arab menjadi pilihan bagi al-Qur'an, namun ia menolak sebarang penyelewengan yang dibawa oleh masyarakat Arab jahiliyyah seperti penyembahan berhala, perzinaan,

minum arak, berjudi dan sebagainya. Malah dari sudut bahasa, al-Qur'an berbeza dengan kosa kata Syair Jahili.

KESIMPULAN

Demikianlah kritikan Muslim Liberal terhadap Ulum al-Qur'an sama ada mengenai Nasikh Mansukh, Asbab Nuzul, Nuzul Qur'an dan sebagainya. Imam al-Qardawi dalam penulisannya pernah menyatakan bahawa setiap *Fann* itu ada ahlinya, (pakarnya) maka begitu jugalah al-Qur'an itu, ahlinya adalah para ulama. Oleh sebab itu, sewajarnya bidang tafsir ini hanya menjadi medan ilmiah bagi para ulama dan bukannya sebarang individu yang tidak mempunyai asas agama yang mendalam, akhlak yang mulia serta menguasai *istimdad* ilmu Tafsir. Kebanyakan Muslim Liberal yang banyak mengkritik Tafsir Konvensional bukanlah ahli dalam bidang Tafsir sebaliknya hanyalah pakar bahasa seperti Nasr Hamid Abu Zayd.

Sehubungan dengan itu mereka cuba mengkritik Ulum al-Qur'an sebagai pintu masuk kepada Qur'an yang cuba disesuaikan dengan pemikiran Liberal mereka. Walau bagaimanapun usaha yang dilakukan tidak akan berjaya kerana asas sandaran agak rapuh dan mereka hanya berpaut pada teori-teori falsafah Barat. Malah usaha mereka itu amat bertentangan sekali dengan tuntutan Syariat. Ini amat selari dengan firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 36:

Maksudnya: Dan tidaklah boleh bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, apabila Allah dan rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara-mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata (al-Qur'an, al-Ahzab 33: 36).

Sehubungan dengan itu tidak hairanlah sekiranya pandangan dan kritikan Muslim Liberal terhadap Ulum al-Qur'an sebenarnya adalah antara usaha yang cuba dilakukan bagi mencantas ilmu yang pertama lahir di kalangan umat Islam. Namun realitinya memperlihatkan kritikan itu sekadar ralat ilmu yang bersumberkan kejahilan serta ketaksuban terhadap *a priori* dan *a posteriori* Barat.

RUJUKAN

°Abd al-Muta°ala al-Jabri. 1961. *Al-Naskh fi al-Syari°ah al-Islamiyyah Kama Afhamuhu*. t.tempat: Matba°ah Dar al-Jihad.

- Abdul Kabir Hussain Solihu. 2003. *Historicist Approach to the Qur'an: Impact of Nineteenth Century Western Hermeneutics in the Writings of two Muslim Scholars*. Tesis Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Warisan, Universiti Islam Antarabangsa.
- Abdullahi Ahmed An-Na°im. 2006. *Menuju Reformasi Perundangan Islam*.
- Al-Mustaqeem Mahmud Radhi, Adib Zalkapli & Omarsaid. Terj. Kuala Lumpur: Middle Eastern Graduates Centre Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaki Ibrahim. 2008. *Modenisme dan Liberalisme, Sorotan Sejarah kelahirannya dan Penilaian Terhadap Metodologinya*. Kertas kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan: Menangani Pemikiran Islam Liberal di Malaysia. Anjuran Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) & Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). 23-24 Ogos.
- Anzaruddin Ahmad. 2005. *Applying Hermeneutics (Textual Criticism) to the Qur'an: A Recritic*. Kertas kerja International Seminar on al-Qur'an. Anjuran Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). 19-20 September.
- Asri Zainul Abidin, Adrin Armas MA, Fauzi Deraman & Mohd. Kamil Abd. Majid. 2006. *Islam Liberal Tafsiran Agama Yang Kian Terpesong*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Azmil Zainal Abidin. 2008. *Sekularisasi Di sebalik Pemikiran Anti Hadith dan Islam Liberal: Satu Kupasan Epistemologikal*. Kertas kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan. Menangani Pemikiran Islam Liberal di Malaysia. Anjuran Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) & Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). 23-24 Ogos.
- Chumaidi Syarif Romas. 2000. *Wacana Teologi Islam Kontemporer*. Yogyakarta: P.T.Tiara Wacana Yogya.
- Farid Esack. 1997. *Qur'an, Liberation and Pluralism*. England: Oneworld Publications.
- Fadl Hassan °Abbas. 2005. *al-Tafsir Asasiyyatuhu wa Ittijahatuhu*. Jordan: Maktabah Dandis.
- Ismail Yusoff. 1995. *Perkembangan penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia*. Dlm. *Islamiyyat*. Jil. 16. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalid °Abdul Rahman al-°Ik. 1994. *Usul Tafsir wa Qawa'iduhu*. Damsyik: Dar al-Nafais.
- Manna' Qattan. 1995. *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Marzuki Mohamad. 2008. *Manifestasi Islam Liberal di Malaysia: Dimensi Politik dan Undang-Undang*. Kertas kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan. Menangani Pemikiran Islam Liberal di Malaysia. Anjuran Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) & Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Mustafa Mohammad al-A°zami. Terj. Dr. Sohirin Solihin, Dr. Anis Malik Thoha, Dr. Ugi Suharto dan Lili Mulyadi. 2005. *Sejarah Teks al-Qur'an dari Wahyu Sampai Kompilasi*. Gema Insani Press: Jakarta.

- Nasr Abu Zayd. Terj. Khoiron Nahdliyyin. 1993. *Kritik Terhadap Ulumul al-Qur'an*. Indonesia: LKiS Yogyakarta.
- Nasr Abu Zayd. 2004. Human Rights and Renewing of Religious Discourse: How Can the Arab World benefit from the Experiences of the non-Arab Islamic World?. Kertas kerja Conference Rethinking the Qur'an: Towards a Humanistic Hermeneutics. Anjuran Cairo Institute for Human Rights Studies dengan kerjasama Swedish Institute Alexandria & Liberal Islam Network Indonesia.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman. 1992. *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Saudi: Dar al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tauzi^c.

Tengku Intan Zarina Tengku Puji
Muhd. Najib Abdul Kadir
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
MALAYSIA